



**JAWATAN KOSONG  
SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD**

1. Jawatan Kosong : Eksekutif Kewangan
2. Gred Gaji : Gred EX-1
3. Taraf Jawatan : Tetap
4. Bilangan Kekosongan : Satu (1)
5. Penempatan : Jabatan Kewangan

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

**SYARAT LANTIKAN :**

Anggota SAMB adalah layak dipertimbangkan ke jawatan Eksekutif Kewangan (Gred EX-1) dengan syarat sebagaimana berikut :

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA 3.00 dan ke atas) yang cemerlang;
2. Keutamaan kepada ahli berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA);
3. Mempunyai minima tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang kewangan;
4. Lulus kursus / latihan dan / atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
5. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
6. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
7. Sokongan oleh Penyelia.

**BIDANG TUGAS UTAMA :**

1. Bertanggungjawab memastikan transaksi di sistem perakaunan diambil kira dengan tepat;
2. Penyediaan akaun pengurusan secara bulanan (imbang duga, penyata pendapatan dan perbelanjaan, kunci kira-kira serta penyata aliran tunai);
3. Terlibat dalam penyediaan belanjawan, unjuran kewangan, perancangan perniagaan dan laporan suku tahunan;
4. Menganalisa kos operasi dan pendapatan serta laporan varian bajet vs sebenar;
5. Menyediakan jurnal pelarasan untuk tujuan penutupan akaun bulanan dan audit akhir tahun;
6. Penyediaan laporan suku tahunan / tahunan mengikut keperluan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan pihak berkepentingan;
7. Berhubung dengan juruaudit dalaman, juruaudit luar, ejen cukai dan pihak ketiga yang berkaitan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan lain-lain agensi.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 8 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)**